

CNS6105

U GB 19-07 00156 BD507

aab

Mahathir-Pendidikan

INSTITUSI PENDIDIKAN SWASTA DIGESA KEKALKAN STANDARD TINGGI

I

PULAU PINANG, 19 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa institusi-institusi pendidikan swasta supaya mengekalkan standard yang tinggi dan memastikan pendidikan berkualiti di negara ini.

"Kita mesti tegas mengenai standard jika mahu mengekalkan reputasi sebagai pembekal pendidikan berkualiti," katanya.

Semasa berucap merasmikan Kolej Antarabangsa berharga RM24 juta di sini hari ini, beliau memberi amaran kepada kolej-kolej swasta bahawa kerajaan akan bertindak tegas terhadap mereka yang mengambil ringan terhadap standard semata-mata untuk mendapatkan keuntungan yang cepat.

"Kita sedar jika kita tidak berwaspada, ada yang akan melakukan sesuatu yang boleh disangsikan dan akan lahir kilang sijil, yang berpunca daripada kecenderungan untuk mendapatkan keuntungan yang cepat," katanya.

Katanya, sikap segelintir orang boleh menjejaskan kredibiliti seluruh negara, dan seluruh industri pendidikan akan mendapat reputasi buruk dengan setiap orang menanggung kerugian daripadanya. -- Lagi.

▼19/07/15-22MST

CNS6118

U GB 19-07 00144 BD508

aab

Mahathir-Pendidikan 2 Pulau Pinang

Dr Mahathir juga berkata pertumbuhan pesat institusi pendidikan swasta di negara ini bukan sahaja boleh memenuhi keperluan tempatan tetapi juga permintaan asing.

Bagaimanapun, beliau memberi amaran kepada institusi-institusi pendidikan swasta supaya tidak mengadakan terlalu banyak kursus-kursus pengajian tanpa mengambil kira sama ada ia boleh menyumbang atau tidak terhadap aspirasi negara.

Katanya, selaras dengan Wawasan 2020 untuk mewujudkan masyarakat yang berasaskan sains dan teknologi, terdapat keperluan supaya institusi-institusi pendidikan memilih kursus-kursus, dan tidak menawarkan hanya kursus-kursus yang popular sahaja untuk menarik para pelajar.

"Adalah menguntungkan bagi institusi pendidikan swasta untuk meninjau bidang-bidang yang belum diteroka seperti angkasa lepas, bahan-bahan, teknologi pengeluaran, rekabentuk berbantuan komputer, jentera dan perkilangan," katanya.

Katanya, dengan mengadakan kursus-kursus seumpama itu akan membolehkan Malaysia mencapai kejayaan dalam industri pendidikan yang berdaya saing tinggi. -- Lagi.

▼19/07/15-50MST

Mahathir-Pendidikan 3 (Akhir) Pulau Pinang

Perdana Menteri juga berkata kerajaan sedang mengkaji cadangan mengenai pindaan berhubung pendidikan tinggi untuk membolehkan penubuhan kampus-kampus cawangan univerti-univerti luar negara yang mempunyai reputasi baik di negara ini.

Katanya, peraturan berhubung kemasukan keperluan visa bagi pelajar-pelajar asing juga sedang dikemaskini, dan Lembaga Akreditasi Negara juga sedang ditubuhkan untuk memastikan institusi-institusi berkenaan diterima di peringkat antarabangsa dan diiktiraf di negara-negara lain.

Dr Mahathir juga berkata adalah penting sektor-sektor swasta memahami matlamat dan objektif Kementerian Pendidikan, dan menggesa sektor swasta dan awam bekerjasama memajukan sistem pendidikan yang boleh mendapat manfaat daripada kedua-dua sektor.

"Dengan wawasan dan matlamat yang sama, kedua-dua sektor dengan itu bukan sahaja boleh mengelakkan pertindihan usaha dan pembaziran tenaga tetapi juga boleh bekerja bersama-sama ke arah mencapai matlamat yang satu," katanya.

Kolej Antarabangsa itu yang merupakan kolej yang dibiayai oleh swasta, didirikan oleh Worldwide Ventures Sdn Bhd., usaha sama antara IJM Corporation Berhad dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang di kawasan seluas 14 hektar di Bukit Jambul.

Pada majlis itu, pengerusi IJM Datuk Ahmad Azizuddin menyampaikan cek RM50,000 kepada Dr Mahathir bagi Tabung Bosnia (RM20,000) dan Bakti (RM30,000). -- Bernama.

ANR KHY AZ.